



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2016/12/102 (HQ)

POSTING PALSU DI MEDIA SOSIAL

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menafikan *posting* di media sosial kononnya seluruh negara bakal bergelap pada 18 Disember ini.

Pengurus Besar Kanan, Hal Ehwal Korporat & Komunikasi TNB, Datuk Ir. Mohd. Aminuddin Mohd Amin berkata, "Pengguna dinasihatkan agar tidak berkongsi *posting* tersebut kerana ia telah menyebabkan kekeliruan."

Untuk mendapatkan maklumat terkini kerja-kerja penyelenggaraan berkala TNB, beliau menasihatkan pengguna untuk melayari laman web TNB <https://www.tnb.com.my/residential/power-alert/>.

"Pengguna juga boleh menghubungi pegawai khidmat pelanggan kami di laman Facebook TNB Careline atau di talian 1300885454," katanya lagi.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 Disember 2016

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)
media@tnb.com.my*